

# Hak asasi terbatas ikut kepercayaan, sosial budaya

## Amalan hidup songsang diiktiraf Barat melanggar undang-undang di Malaysia

**Nik Salida Shuhaila**

salidasuhaila99@yahoo.com



**S**ETIAP rakyat Malaysia mempunyai hak asasi sebagai manusia yang dilindungi undang-undang. Hak asasi adalah asas kepada kebebasan, keadilan dan keamanan dunia. Pengabaian hak asasi manusia akan mengakibatkan kemusnahan yang nyata kepada alam dan penghuninya.

Hak asasi atas nama manusia semata-mata berbeza dengan hak asasi manusia yang beragama Islam atau agama lain di dunia. Contohnya, setiap manusia mempunyai kebebasan beragama dan mengamalkan kepercayaan mengikut agama dianuti.

Bagaimanapun, kebebasan beragama ini tidak terpakai kepada mereka beragama Islam kerana menukar agama untuk orang Islam bukanlah hak tetapi satu kesalahan.

Hakikat ini bukan menidakkan kesamarataan antara manusia tetapi kerana sifat hak asasi itu sendiri tertakluk kepada kebebasan beragama. Justeru, pengamalan hak asasi perlu mengikut garis panduan yang dibatasi kepercayaan dan justifikasi perbezaan hak serta

tanggungjawab.

Agama Islam menjamin hak setiap manusia. Hak asasi setiap Muslim tertunai apabila tanggungjawab terhadap Allah SWT dan Muslim lain turut ditunaikan. Tiada siapa yang layak menuntut hak jika tidak mahu melangsaikan tanggungjawab.

Seorang rakyat contohnya, hanya layak mendapat hak sebagai warga negara apabila tanggungjawab terhadap pemerintah ditunaikan. Begitu juga pemimpin negara, ketua rumah tangga mahupun seorang abang kepada adiknya.

Sifat terpenting hak asasi seperti mana termaktub dalam Deklarasi Antarabangsa berkenaan hak asasi yang bersumberkan Islam dan Ba-



*Memang benar hak asasi mempertahankan hak setiap individu, tetapi jika hak individu menafikan hak masyarakat, hak individu harus diketepikan untuk menjamin keadilan lebih penting dan manfaat lebih besar*

rat adalah keterbatasan hak itu.

Kebebasan tanpa batas atau *absolute autonomy*, seperti sering dilayangkan apabila manusia menuntut hak individu bercanggah dengan sifat hak asasi berasaskan kebebasan individu dan keadilan masyarakat.

Memang benar hak asasi mempertahankan hak setiap individu, tetapi jika hak individu menafikan hak masyarakat, hak individu harus diketepikan untuk menjamin keadilan lebih penting dan manfaat lebih besar.

Hari ini, ramai memahami hak asasi dalam konteks hak yang tidak terbatas. Sebab itulah sekatan terhadap hak asasi individu yang bertujuan menjaga masalah lebih besar dikatakan penafian hak asasi dan perlu ditentang.

Apabila mahkamah tidak membenarkan permohonan penukaran agama Islam kepada agama lain contohnya, mahkamah dan sistem kehakiman dikatakan membelakangi Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak asasi dan kebebasan beragama, sedangkan hak itu tidak terpakai kepada penganut Islam.

Begitu juga hak untuk berhimpun. Perkara 10 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan menegaskan setiap rakyat Malaysia berhak untuk berhimpun dengan aman dan tanpa senjata. Walau bagaimanapun, hak itu tertakluk kepada kepentingan keselamatan awam (Perkara 10 (b)).

Jika hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata mengugut keselamatan awam, sudah tentu hak itu terbatal dengan sendirinya dan sebarang perhimpunan adalah melanggar undang-undang.

Selain keterbatasan hak individu, sifat hak asasi manusia dalam sesebuah negara juga tertakluk kepada kepercayaan agama, sosial, ekonomi dan budaya dalam negara itu. Sebab itulah hak asasi dalam Deklarasi Antarabangsa bersifat umum.

Ia bertujuan memberi peluang kepada negara di dunia merangka hak asasi dalam konteks setempat, dengan syarat tidak bertentangan objektif dan tujuan hak asasi manusia.

Apabila negara di Barat mengiktirafkan hak untuk mengamalkan gaya hidup songsang seperti gay, lesbian, biseksual dan transeksual; ia bukan bermaksud hak itu hak asasi manusia secara umum, tetapi hak asasi manusia di Barat.

Pengiktirafan itu sesuai dengan gaya hidup dan kepercayaan (bukan agama) di Barat bahawa perbezaan manusia tidak boleh diukur dengan perbezaan seksual. Di Barat, seorang lelaki yang pembinaan sosialnya lebih terarah kepada sifat perempuan dan feminin, maka lelaki itu adalah perempuan, begitulah sebaliknya.

Justeru, atas kepercayaan itu, mereka mengiktiraf hubungan atau

perkahwinan sesama jenis dan hubungan tanpa batasan jenis seksual. Mereka menganggap beza setiap manusia ialah pada emosi dan perasaan serta pembinaan sosial yang menjadikan mereka sama ada feminin atau maskulin, bukannya perbezaan biologi.

Penulis percaya dalam konteks negara Malaysia, hak untuk mengamalkan gaya hidup songsang bukanlah hak asasi manusia untuk rakyat Malaysia dan tidak pernah termaktub dalam undang-undang.

Sebarang perhimpunan secara aman dan tanpa senjata yang dianjurkan untuk menyedarkan masyarakat bahawa golongan gay, lesbian, biseksual dan transeksual patut diberi pengiktirafan tidak wajar dilakukan kerana pihak keselamatan harus mengutamakan hak masyarakat lebih besar, iaitu memastikan keselamatan awam dilindungi.

Keselamatan awam ini bukanlah perlindungan daripada kacau bilau sepanjang tempoh perhimpunan saja tetapi keamanan yang berterusan, apabila sebarang usaha untuk menyebabkan kemusnahan sesebuah negara itu dihalang dari awal.

Penulis ialah Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia, kini melanjutkan pelajaran di United Kingdom

